

03/12/2000

RM40,000 untuk masjid, surau

KUALA LUMPUR: Lima masjid dan 45 surau sekitar kawasan Parlimen Lembah Pantai menerima sumbangan bagi menyediakan makanan kepada umat Islam berbuka dan menunaikan solat sepanjang Ramadan ini.

Ahli Parlimen Lembah Pantai, Datuk Shahrizat Jalil, berkata tahun ini, pejabat wakil rakyat memperuntukkan kira-kira RM40,000 bagi tujuan itu sebagai aktiviti untuk mengimarahkan surau dan masjid.

"Saya juga berharap pihak jawatankuasa masjid dan surau dapat menghubungi saya secepat mungkin jika memerlukan sebarang bantuan," katanya ketika majlis penyerahan bantuan itu, semalam.

Antara barangan yang disumbangkan termasuk susu, gula, teh, kopi dan buah kurma.

Sementara itu, kira-kira 1,200 warga kota kurang bernasib baik akan diraikan dalam satu program yang dinamakan Program Nur Ramadan, esok.

Menurut Shahrizat, majlis anjuran Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan itu akan diadakan di Masjid Wilayah Persekutuan.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut hadir untuk memeriahkan lagi suasana.

"Seramai 100 orang golongan kurang bernasib baik dari setiap kawasan parlimen di Wilayah Persekutuan dipilih untuk menerima bantuan ini selain penerima dari Perkim dan beberapa lagi pertubuhan bukan kerajaan," katanya.

Penerima akan menerima bantuan wang tunai RM100, kain, telekung dan sejadah setiap seorang.

(END)